

Media Title : Utusan Malaysia
Headline : UOB lancar U- Energy, tingkat penjimatan
Date : 9 December 2021
Section : Ekonomi
Page : 35



UOB lancar *U-Energy*, tingkat penjimatan

PETALING JAYA: UOB Malaysia melancarkan *U-Energy*, platform pembiayaan bersepadu pertama di Asia, bagi memacu pembangunan dan penggunaan projek kecekapan tenaga untuk bangunan dan kediaman di negara ini.

Menurut UOB, berikutan pelancaran *U-Energy* yang pertama di Singapura, bank akan membantu perniagaan dan pemilik rumah di Malaysia untuk menjimatkan bil elektrik, mengurangkan pelepasan karbon dan mencapai matlamat kemampanan mereka.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, UOB Malaysia, Ng Wei Wei berkata, UOB Malaysia telah bekerjasama dengan pemain industri strategik untuk mewujudkan ekosistem rakan kongsi dan penyelesaian yang memudahkan usaha kemampanan bagi pelanggannya.

"Kami berbesar hati untuk memperkenalkan *U-Energy*, satu lagi platform pembiayaan bersepadu yang progresif, ke Malaysia dan membantu perniagaan serta pemilik rumah menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, bagi perniagaan dan pemilik rumah, melaksanakan projek kecekapan tenaga di premis mereka mungkin mengambil banyak masa, pelaburan dan juga sumber.

Justeru katanya, penyelesaian hujung ke hujung yang disediakan oleh *U-Energy* akan memudahkan pelanggan kami mengakses perkhidmatan, daripada perundingan projek dan pembiayaan, kepada pelaksanaan, untuk menjimatkan kos tenaga dan mengurangkan jejak karbon mereka.